Nor Azli bin Abdul Wahab lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO 42H-29 TAHUN 2011
SAMSUDIN HASSAN PK
14 MAC 2012

Undang-Undang Jenayah — Akta Kanak-Kanak 2001 — s 31(1)(a) — Kesalahan menganiaya dan membiarkan kanak-kanak ('si mati') dalam pemeliharaannya mengalami kecederaan fizikal — Pengakuan salah oleh tertuduh — Sama ada tertuduh layak mendapat hukuman ringan — Kepentingan awam — Hukuman deteren — Sama ada hakim bicara khilaf dalam menjatuhkan hukuman berat

Perayu ('OKT') dituduh di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 atas kesalahan jenayah menganiaya dan membiarkan seorang kanak-kanak ('si mati') dalam pemeliharaannya mengalami kecederaan fizikal. Ibu si mati ('pengadu') telah menghantar mangsa kepada OKT untuk dijaga. Namun begitu, apabila si mati tidak diserahkan semula, pengadu dan anggota polis telah menjalankan siasatan ke atas OKT dan OKT sendiri telah menunjukkan tempat mayat kanak-kanak tersebut dibuang. Hasil siasatan menjumpai beg pakaian Adidas dan tengkorak dan tulang telah dijumpai di sekitar kawasan tersebut. OKT mengaku bersalah terhadap pertuduhan asal seperti yang dikehendaki di bawah s 173(b) Kanun Acara Jenayah ('KAJ') dan merayu kepada mahkamah bagi hukuman sahaja.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Pengakuan salah OKT tidak secara automatik melayakkan OKT dikenakan hukuman yang ringan sekiranya kepentingan awam menuntut hukuman yang deteren (lihat perenggan 19).

(2) Tidak terdapat sebarang kekhilafan berhubung dengan prinsip hukuman yang diaplikasikan oleh hakim mahkamah sesyen dalam menjatuhkan hukuman ke atas OKT. Adalah menjadi prinsip undang-undang mantap bahawa berhubung dengan rayuan terhadap hukuman, mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah hukuman yang menjadi asas rayuan semata-mata kerana hukuman yang berbeza telah dijatuhkan. Hakim perbicaraan telah melihat OKT dan mendengar sejarah dan perwatakannya. Hanya apabila hukuman yang dijatuhkan didapati tersilap dari segi prinsip, keterlaluan atau tidak memadai, maka barulah Mahkamah Rayuan patut mengubahnya dan campur tangan (lihat perenggan 12).

(3) Mahkamah bersetuju dengan pandangan hakim mahkamah sesyen

bahawa dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu, kepentingan awam hendaklah diberi keutamaan. Hukuman penjara yang panjang, seperti dalam kes ini iaitu selama lapan tahun, amatlah sesuai bukan sahaja untuk menghukum perayu tetapi juga untuk menghindar orang lain yang berhasrat atau cuba berjinak-jinak untuk melakukan kesalahan yang sama dan juga sebagai amaran keras kepada orang ramai bahawa mahkamah tidak akan bertolak ansur dan berkompromi dengan kesalahan seperti itu. Hukuman berat ini ialah suatu manifestasi penghormatan yang tinggi bagi melindungi kanak-kanak dan pada masa yang sama memberi keyakinan kepada ibubapa kanak-kanak tersebut meninggalkan atau mengamanahkan kesayangan mereka kepada penjaga-penjaga yang diharapkan (lihat perenggan 15–17).

[English summary

The appellant ('accused') was charged under s 31(1)(a) of the Child Act 2001 for the offence of abusing the letting the child ('the deceased') in his care suffer from physical injuries. The mother of the deceased ('the complainant') had sent the victim to the accused for baby sitting. However, when the deceased was not returned, the complainant and the police had conducted an investigation on the accused and the accused himself had shown the place where he dumped the child's body. The result of the investigation showed an Adidas bag and skull and bones found at the surrounding area. The accused pleaded guilty against the original charge as required under s 173(b) of the Criminal Procedure Code and appealed to the court only against the sentence.

Held, dismissing the appeal:

(1) The deceased's plea of guilt does not automatically entitle the accused to a lesser sentence if the public interest demands for a deterrent sentence (see para 19).

(2) There was no any error in relation to the principles of sentencing applied by the sessions court judge in meting out the sentence on the accused. It was a trite law that in relation to the appeal against the sentence, the court hearing the sentence will not vary the sentence which was the basis of the appeal merely because a different sentence was imposed. The trial judge had seen the accused and heard the history and his character. Where the sentence imposed was by mistake in principle, excessive or inadequate, only then the Court of Appeal ought to vary and interfere (see para 12).

(3) The court was in agreement with the view of the sessions court judge that in meting out the sentence against the appellant, the public interest must be given priority. A long custodial sentence, as in this case, ie for eight years, was appropriate not only to punish the appellant but also to deter the others who has the intention or trying to commit the same offence and also as a strict warning to the public that the court would not tolerate

and compromise with similar offences. The heavy sentence was a manifestation of honour at a highest level to protect the children and at the same time to give confidence to the parents of the children in leaving or entrusting their beloved ones in the hands of the trusted caretaker (see paras 15–17).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai s 31(1)(a), lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 71.

Kes-kes yang dirujuk

Adam Atan v PP [2009] 1 CLJ 33, MR (dirujuk)
Harris v The Queen (1953–54) 90 CLR 652 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256, MR (dirujuk)
PP v Md Rashid bin Harun [2000] 3 MLJ 503; [2000] 3 CLJ 832, MT (dirujuk)
R v Ball (1951) 35 Cr App R 164, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kanak-Kanak 2001 s 31(1)(a)
Kanun Acara Jenayah s 173(a), (b)
Kanun Keseksaan s 302

Md Hazza bin Md Khalid (Nurul Hidayah bt Basiran bersamanya) (Hazza Khalid Suraya & Partners) bagi pihak perayu.
Anwar bin Ab Raof (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang) bagi pihak responden.

Samsudin Hassan PK:

PENDAHULUAN

[1] Perayu dituduh melakukan jenayah menganiayai dan membiarkan kanak-kanak lelaki berbangsa Cina bernama Louis Liew Zi Qian yang di dalam pemeliharaannya mengalami kecederaan fizikal iaitu kesalahan di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum di bawah seksyen dan Akta yang sama.

[2] Perayu memahami pertuduhan yang dibacakan kepadanya dengan terang serta jelas sejajar dengan peruntukkan di bawah s 173(a) Kanun Acara Jenayah ('KAJ').

[3] Adalah diperhatikan juga mahkamah perbicaraan telah merekodkan pengakuan bersalah perayu terhadap pertuduhan asal sepertimana yang dikehendaki di bawah peruntukan s 173(b) KAJ.

[4] Tidak boleh dinafikan lagi di dalam rekod rayuan jelas terpampang fakta menunjukkan perayu bukan sahaja faham tetapi juga mengakui kesalahan dilakukannya di dalam pertuduhan sehaluan dengan kehendak proviso di bawah s 173(b) KAJ.

[5] Tiada keterangan pada bila-bila masa pun menunjukkan perayu ada membantah pengakuan bersalah beliau terhadap pertuduhan tersebut.

[6] Oleh demikian saya berpuashati bahawa mahkamah perbicaraan tidak khilaf apabila menerima pengakuan bersalah perayu terhadap pertuduhan berkenaan.

[7] Susulan daripada pengakuan bersalah itu maka hakim, Mahkamah Sesyen Jenayah 3, Johor Bahru, Johor mensabitkan perayu dengan kesalahan tersebut. Perayu dihukum lapan tahun penjara dari tarikh tangkap iaitu 7 Julai 2011. Perayu kini merayu ke Mahkamah Tinggi ini terhadap hukuman sahaja melalui notis rayuan bertarikh 26 Julai 2011 dan petisyen rayuan bertarikh 18 Oktober 2011.

PERTUDUHAN

[8] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 12 Jun 2011 jam lebih kurang 8.40 pagi di No. 27A, Jalan Pakis 1, Taman Sri Pulai, Kangkar Pulai, dalam daerah Johor Bahru, dalam negeri Johor Darul Ta'zim, mempunyai pemeliharaan ke atas kanak-kanak lelaki berbangsa Cina bernama Louis Liew Zi Quan (KPT: 1003210-01-2501) telah menganiaya dan membiarkan kanak-kanak tersebut mengalami kecederaan fizikal dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 31 (1) Akta yang sama.

FAKTA KES

[9] Fakta kes dikemukakan secara lisan semasa prosiding dijalankan di mahkamah terbuka dan ada dicatitkan dalam nota keterangan seperti berikut:

> Pada 6.7.2011 jam 12.30 tengah hari, pengadu dan anggota telah jalankan siasatan ke atas OKT. OKT sendiri boleh bawakan ke tempat beliau buang mayat kanak-kanak. Hasil siasatan jumpai beg pakaian Adidas dan tidak menjumpai mayat.
>
> Di sekitar kawasan itu menjumpai tengkorak dan tulang. Hasil daripada penemuan itu rangka telah dianalisa untuk pengecaman identiti. Ibu telah hantar anak pada OKT untuk dijaga pada 22.3.2011. Selepas itu anak beliau tidak diserahkan semula.

[10] Fakta kes ini disokong oleh ekshibit-ekshibit lain yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan seperti berikut:

(a) eksh P1 iaitu salinan Repot Polis Gelang Patah No 002464/11;

(b) eksh P2 iaitu salinan Repot Polis Pekan Nanas No 003429/11;

(c) eksh P3(a)–(c) iaitu gambar kanak-kanak dan barang-barang si mati;

(d) eksh P4(1–5) iaitu gambar tempat kejadian; dan

(e) eksh P5(1–20) iaitu gambar post-mortem.

RAYUAN TERHADAP HUKUMAN

[11] Semasa pendengaran rayuan, saya telah pun menimbang rayuan yang dibuat oleh perayu terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen. Mahkamah mendapati bahawa tidak terdapat apa-apa kekhilafan berhubung dengan prinsip hukuman yang diaplikasikan oleh hakim mahkamah sesyen semasa menjatuhkan hukuman terhadap perayu.

[12] Adalah menjadi prinsip undang-undang mantap bahawa berhubung dengan rayuan terhadap hukuman, mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah hukuman yang menjadi asas rayuan semata-mata kerana ahli-ahli mahkamah itu telah menjatuhkan hukuman yang berbeza. Hakim perbicaraan telah melihat tertuduh dan mendengar sejarah dan perwatakannya. Hanya apabila hukuman yang dijatuhkan didapati tersilap dari segi prinsip, maka barulah Mahkamah Rayuan patut mengubahnya. Jika hukuman adalah keterlaluan atau tidak memadai dan Mahkamah Rayuan berpuashati bahawa telah wujud kegagalan untuk mengaplikasikan prinsip yang betul, maka barulah Mahkamah Rayuan akan campur tangan (lihat kes-kes *R v Ball* (1951) 35 Cr App R 164 dan *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256).

[13] Dalam satu kes Mahkamah Rayuan, *Adam Atan v Public Prosecutor* [2009] 1 CLJ 33, Gopal Sri Ram HMR berkata di ms 36:

> [6] In an appeal against sentence, the initial function of this court is one of review only. The fact that each of us sitting separately or together would have imposed a lesser sentence is irrelevant. The appellant must satisfy this court that the sentencing court has either erred in principle or imposed a sentence that manifestly excessive. We find it unnecessary to cite any authority in support of this well established principle.

[14] Intipati prinsip ini telah dinyatakan dengan tepat dan menyeluruh dalam kes *Harris v The Queen* (1953–54) 90 CLR 652 di ms 655–665.

The jurisdiction to revise such discretion must be exercised in accordance with recognised principles, it is not enough that the members of the court would themselves have imposed a less or different sentence, or that they think the sentence, or that over severe. There must be some reasons for regarding the discretion confided to the court of first instance as improperly exercised. This may appear from the circumstances which that court has taken into account. They may include some consideration which ought not to have affected the discretion, or been misled as to the facts, or an error of law may have been made. Effect may have been given to views or opinions which are extreme or misguided but it not necessary that some definite or specific error should be assigned. The nature of the sentence itself, when considered in relation to the offence and the circumstances of the case, may be such as to afford convincing evidence that in some way the exercise of the discretion has been unsound. In short, the principles which guide courts of appeal in dealing with matters resting in the discretion of the court of first instance retrain the intervention of this court to cases where the sentence appears unreasonable, or has not been fixed in the due and proper exercise of the courts authority.

A B C D

PENILAIAN TERHADAP HUKUMAN YANG DIJATUHKAN OLEH HAKIM MAHKAMAH SESYEN

E

[15] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan hakim mahkamah sesyen bahawa dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu kerana melakukan jenayah menganiayai dan membiarkan kanak-kanak berusia dua tahun yang di dalam pemeliharaannya mengalami kecederaan fizikal maka kepentingan awam hendaklah diberi keutamaan. Memang benar perayu di sini diberi amanah oleh keluarga kanak-kanak ini bukan sahaja untuk memelihara kebajikannya dengan baik tetapi juga memastikan keselamatan kanak-kanak tersebut terjamin daripada perkara yang tidak diingini berlaku semasa ketiadaan ibu dan bapa kandungnya. Saban hari kita mendengar perkara-perkara yang menyayat hati menimpa insan-insan yang kerdil lagi tidak berdosa ini diperlakukan tanpa belas kasihan. Mereka menjadi mangsa perbuatan rakus pesalah-pesalah yang berhati binatang dirasuk syaitan. Dalam keadaan sedemikian orang awam sudah pasti dihantui kebimbangan dan ketakutan sepanjang masa. Rumah jagaan kanak-kanak sepatutnya selamat bagi keluarga tetapi sayang ianya tidak lagi begitu buat masa kini kerana kanak-kanaklah yang menjadi mangsa perbuatan rakus pesalah seperti perayu ini yang menganiayai dan membiarkan kanak-kanak lelaki berbangsa Cina ini bernama Louis Liew Zi Qian mengalami kecederaan fizikal hingga menyebabkan kematian. Sudahlah begitu hasil siasatan juga menunjukkan perayu sanggup dan tergamak memasukkan mayat kanak-kanak tersebut ke dalam beg pakaian jenama Adidas dan membuangnya ke dalam hutan. Hal ini disokong oleh fakta kes bahawa perayu sendiri yang menunjukkan tempat beliau membuang mayat kanak-kanak tersebut. Begitu juga gambar-gambar ekshibit menunjukkan tempat kejadian di mana telah dijumpai beg pakaian

F G H I

jenama Adidas itu serta satu selimut. Semuanya ini menunjukkan dengan jelas perbuatan perayu seolah-olah untuk menyembunyikan sesuatu. Jika benar sekalipun alasan rayuan perayu bahawa beliau tidak sedar kanak-kanak ini terjatuh membuatkan beliau berasa takut dan membuang mayatnya tetapi ini tidak seharusnya diterima oleh mahkamah kerana perayu yang telah berusia 27 tahun ketika kejadian adalah seorang yang dewasa yang telah boleh berfikir dan bertindak secara waras dan matang. Sebagai 'reasonable man' sepatut dan sewajarnyalah perayu membawa kanak-kanak yang malang ini ke hospital atau memaklumkan kepada kedua ibu bapa kanak-kanak itu ataupun membuat laporan polis. Kegagalan perayu bertindak sedemikian amat-amat mencurigakan.

[16] Oleh itu hukuman penjara yang panjang sepertimana dalam kes ini selama lapan tahun amatlah sesuai bukan sahaja untuk menghukum perayu tetapi juga untuk menghindar orang lain yang berhasrat atau cuba berjinak-jinak untuk melakukan kesalahan yang sama dan juga sebagai amaran keras kepada orang ramai bahawa mahkamah tidak akan bertolak ansur dan berkompromi dengan kesalahan seperti itu.

[17] Lagipun perbuatan perayu terhadap kanak-kanak ini amat kejam dan merupakan satu kesalahan yang amat serius sepertimana dicerminkan dalam niat Parlimen yang menetapkan hukuman yang berat terhadap kesalahan di bawah s 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dengan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya. Pada pandangan mahkamah hukuman berat ini ialah suatu manifestasi penghormatan yang tinggi bagi melindungi kanak-kanak dan pada masa yang sama memberi keyakinan kepada ibubapa kanak-kanak tersebut meninggalkan atau mengamanahkan kesayangan mereka kepada penjaga-penjaga yang diharapkan. Oleh itu sekiranya hukuman yang ringan dikenakan terhadap pesalah sebegini maka ia akan merupakan satu pengkhianatan terhadap penghormatan tersebut. Hukuman berat juga menggambarkan hasrat Parlimen untuk mencegah jenayah ini dari berlaku secara berleluasa.

[18] Seperkara lagi perayu di sini amat bernasib baik kerana tidak dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan atas kesalahan membunuh seorang kanak-kanak baru berusia dua tahun.

[19] Berkait pengakuan salah responden itu mahkamah menyatakan ianya tidak secara automatik melayakkan responden dikenakan hukuman yang ringan sekiranya kepentingan awam menuntut hukuman yang deteren (lihat *Public Prosecutor v Md Rashid bin Harun* [2000] 3 MLJ 503; [2000] 3 CLJ

832).

KESIMPULAN

[20] Berdasarkan kepada sebab-sebab yang dinyatakan di atas adalah diputuskan bahawa rayuan perayu ditolak kerana mahkamah mendapati tiada kekhilafan atau apa-apa alasan yang mewajarkan hukuman penjara lapan tahun ke atas perayu tersebut diganggu untuk meringankannya. Hukuman yang diperintahkan oleh hakim mahkamah sesyen itu adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya dan wajarlah dalam keadaan sedemikian dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor